

# FestKAPP 2017

## MARTABATKAN KEBUDAYAAN DI KALANGAN MAHASISWA



**PAUH PUTRA**, 1 Oktober — Dengan membawa tema "Seni Budaya Warisan Negara", Festival Kebudayaan Antara Pusat Pengajian (FestKAPP) 2017 anjuran Unit Kebudayaan dan Rekreasi Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Pusat Sukan UniMAP mendapat sambutan menggalakkan di kalangan pelajaranya.

Penganjuran kali ketiga FestKAPP 2017 adalah membawa hasrat memartabatkan bidang kebudayaan dan kesenian di kalangan pelajar universiti itu walaupun UniMAP merupakan universiti berteraskan kejuruteraan. Pengarah UKR UniMAP, Mohd Izwan Izhar Haris berkata kesemua pusat pengajian yang terdiri hampir 1000 peserta menyertai festival itu dengan lapan acara dipertandingkan sepanjang empat hari festival itu berlangsung bermula 27 September.

Menurutnya, lebih menarik satu acara baru turut diperkenalkan iaitu 'International Got Talent' khas bagi pelajar antarabangsa UniMAP mengetengahkan bakat

mereka. "FestKAPP 2017 ini turut menerapkan ciri-ciri perpaduan di mana kumpulan yang berbilang kaum memperolehi kelebihan dalam pemberian markah bagi semua acara yang disertai," kata beliau dalam sebuah kenyataan di sini, hari ini.

Terdahulu, Timbalan Naib Canselor Prof. Dr. Ir. Rezuan Kamarudin berkata adalah penting nilai-nilai kemahiran insaniah diberi fokus oleh pelajar-pelajar UniMAP dalam menentukan masa hadapan mereka. Ujarnya, pembangunan pelajar tidak lagi diukur berdasarkan kecemerlangan akademik semata-mata namun kemahiran insaniah seperti penglibatan pelajar dalam aktiviti kebudayaan ini turut diambil kira.

"Justeru penganjuran ini adalah amat dialu-alukan untuk diadakan setiap tahun bagi mengenalpasti potensi pelajar-pelajar dalam aspek keyakinan diri, kepimpinan, serta menghargai seni warisan budaya di negara ini," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Penutup FestKAPP 2017 di Dewan Kecemerlangan UniMAP di sini.

Turut hadir ialah Exco Kebudayaan Negeri Perlis Dato' Jamil Saad, Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Perlis, Rahmad Md Noh serta Pengarah Birotatanegara Negeri Jasmi Jasa.

Dalam pertandingan itu Juara Keseluruhan FestKAPP 2017 berjaya diraih Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) manakala Anugerah Khas Juara Perpaduan diraih Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik. FTK turut menjadi juara keseluruhan bagi acara permainan warisan serta acara nyanyian lagu patriotik.

